

**PERANAN UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM MEMBENDUNG  
GEJALA SOSIAL DAN MEMELIHARA INSTITUSI KELUARGA**

Nurul Nadhirah Mohamad Nazrul Nizam\*<sup>1</sup>, Amani Irdina Asmuri<sup>1</sup>, Nur Sufiyyah  
Mohd Asri<sup>1</sup>, Nur Haidah Mazlan<sup>1</sup>, Muhammad Danial Darwisy Rafiee<sup>1</sup> &  
Muhammad Aiman Shahrol Azhar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah, Melaka

\*2024693042@student.uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i1.7218>

**Abstrak**

**E-JITU**

Acceptance date:  
29 January 2023

Valuation date:  
15 March 2023

Publication date:  
22 April 2023

*Artikel ini membincangkan hikmah pelaksanaan undang-undang Syariah dalam menangani pelbagai isu yang dihadapi masyarakat Islam masa kini. Pelaksanaan undang-undang Islam bukan sahaja berperanan untuk menghukum tetapi juga bertindak sebagai mekanisme pencegahan dan pendidikan masyarakat. Kajian ini meneliti isu-isu utama seperti peningkatan gejala sosial, krisis identiti, keruntuhan akhlak, dan penindasan hak wanita serta kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan ke atas pelbagai sumber yang relevan. Hasil kajian menunjukkan bahawa undang-undang Syariah mampu memberikan penyelesaian berkesan dalam mengekang keruntuhan akhlak, memelihara keharmonian keluarga, dan menjamin keadilan sosial. Artikel ini mencadangkan agar pelaksanaan undang-undang Islam diperkasa dengan penguatkuasaan yang lebih tegas dan pendidikan berterusan kepada masyarakat.*

**Kata kunci:** Undang-Undang Syariah, Gejala Sosial, Institusi Keluarga, Keadilan Sosial, Pendidikan Islam

**THE ROLE OF ISLAMIC LEGAL FRAMEWORK IN ADDRESSING  
SOCIAL PROBLEMS AND SAFEGUARDING THE FAMILY INSTITUTION**

**Abstract**

*This article discusses the wisdom behind the implementation of Shariah law in addressing various issues faced by contemporary Muslim societies. The application of Islamic law serves not only as a punitive measure but also as a mechanism for prevention and community education. This study examines key issues such as the rise of social ills, identity crises, moral decline, and the oppression of women's and children's rights. A qualitative approach is employed, using content analysis of various relevant sources. The*

*findings indicate that Shariah law offers effective solutions in curbing moral degradation, preserving family harmony, and ensuring social justice. The article recommends that the implementation of Islamic law be strengthened through stricter enforcement and continuous public education.*

**Keywords:** *Islamic Law, Social Issues, Family Institution, Social Justice, Islamic Education.*

## **PENGENALAN**

Undang-undang adalah satu sistem yang wajib ada di dalam sebuah negara yang berfungsi dalam mengatur kehidupan masyarakat, berbangsa dan bernegara. Dalam setiap negara amat mementingkan keadilan sosial dalam semua lapisan masyarakat, undang-undang memiliki peranan dalam melahirkan kemanan dalam sebuah negeri dan menjamin hak asasi manusia. Undang-undang bukan sahaja menjadi alat pengatur malahan dia jugak boleh menjadi cerminan dalam nilai-nilai moral, budaya dan prinsip-prinsip sesuatu bangsa. setiap individu perlu mengenal asas undang-undang kerana ia mempengaruhi setiap aspek kehidupan kita daripada cara kita berinteraksi dengan orang lain hingga keputusan yang kita buat setiap hari. (Muhamad Aiman Abu Hassan, 2024).

Di samping itu, tanpa kita sedar bahawa undang-undang telah hadir dalam hidup kita sepanjang kehidupan seharian kita iaitu mulai dari hal-hal bersifat privasi seperti keluarga, ekonomi dan Pendidikan. Undang-undang ini wujud untuk memastikan sepanjang kehidupan kita berjalan dengan tersusun, aman dan adil. Sebaliknya, jika undang – undang diabaikan oleh semua golongan masyarakat atau pandang rendah terhadap undang – undang ini maka akan muncul permasalahan seperti negara kacau bilau, penyalahgunaan kekuasaan dan sebagainya. Oleh itu, Oleh itu, ilmu-ilmu yang berkaitan dengan perlembagaan dan undang - undang seharusnya diajar dan dididik bagi memastikan setiap warganegara mempunyai nilai-nilai yang baik. (Azri Ibrahim, 2020).

Selain itu, hikmah dari pelaksanaan undang – undang yang baik dan betul pada masyarakat islam sangatlah banyak yang kita boleh perolehnya. Tidak hanya dapat mencipta negara yang aman tetapi dapat menyedarkan masyarakat bahawa pentingnya hukum sebagai pelindung hak dan kewajiban. (Fariza Romli, Nuarrul Hilal Md Dahlan dan Rusniah Ahmad, 2012). Dengan adanya undang – undang, masyarakat islam dapat hak istimewa yang akan terbela sebagai penduduk di negara islam. Selepas itu, pelaksanaan undang – undang yang adil dan membuat kerja sebagai pemerintah dengan betul boleh membuatkan kepercayaan rakyat pada pemerintahnya.

Sehubungan dengan itu, undang – undang terbahagi kepada dua iaitu undang – undang sivil dan undang Shariah. Perbezaan antara dua ini ialah undang – undang sivil berteraskan sumber daripada Perlembagaan Persekutuan. Manakala undang – undang Shariah berteraskan sumber daripada Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas serta ada juga melibatkan orang yang beragama islam. Wujudnya dua undang – undang ini untuk berlakunya keadilan antara agama islam dan agama bukan islam dari segi hukuman setiap kesalahannya. Undang – undang ini juga dapat memastikan semua rakyat akan dapat perlindungan yang sama di sisi hukum tanpa mengira latar belakang. Perlembagaan

adalah suatu undang-undang tertinggi dalam negara kerana ianya memelihara hak keistimewaan 'warga asal' tanah air, memelihara agama serta memelihara hak asasi manusia. (Muhamad Amirul bin Ramli, 2021).

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia sering berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk persepsi negatif masyarakat, keterbatasan kuasa Mahkamah Syariah, serta pengaruh budaya luar yang semakin menular dalam kalangan generasi muda. Gejala sosial yang semakin berleluasa seperti pergaulan bebas, seks luar nikah, dan penyalahgunaan dadah menunjukkan kegagalan masyarakat dalam mengekang arus globalisasi yang bertentangan dengan nilai Islam (Amini Amir Abdullah, 2024).

Tambahan pula, krisis identiti dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim menjadi isu yang membimbangkan. Statistik menunjukkan peningkatan kes rogol dan sumbang mahram, terutama di negeri-negeri seperti Kelantan (Ustaz Mohd Nassuruddin, 2025). Kelemahan didikan agama di peringkat keluarga dan sekolah menjadi punca utama keruntuhan moral generasi muda (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2022). Pendedahan tanpa kawalan kepada media sosial dan budaya Barat turut mempercepatkan proses ini (Salmah Omar, 2015).

Selain itu, isu penindasan hak wanita dan kanak-kanak dalam masyarakat Islam masih berlaku dengan meluas. Penderaan fizikal dan emosi dalam keluarga sering berlaku secara tersembunyi dan tidak dilaporkan, manakala isu pengabaian nafkah dan eksploitasi kanak-kanak terus menjadi cabaran besar (Siti Maziah Samsudin, 2022). Persepsi bahawa undang-undang Syariah hanya bersifat simbolik turut melemahkan usaha menegakkan keadilan dan membela hak golongan lemah (Dr. Nisar Mohammad Ahmad, 2018).

### **SOROTAN LITERATUR**

Kajian Wan Ismail et al. (2022) membuktikan bahawa peningkatan kelahiran anak luar nikah dalam kalangan remaja Muslim adalah bukti keruntuhan akhlak yang semakin serius. Mereka menegaskan perlunya pelaksanaan undang-undang yang tegas serta pendidikan agama yang berterusan bagi membendung masalah ini. Hal ini disokong oleh kajian Sahriansyah (2014) yang menegaskan kepentingan pengukuhan ilmu agama sejak kecil bagi membentuk jati diri Muslim yang kukuh.

Selain itu, kajian oleh Salmah Omar (2015) membincangkan pengaruh media sosial dan hiburan Barat dalam mencorakkan gaya hidup remaja Islam. Tanpa kawalan yang berkesan, media menjadi penyumbang utama kepada peningkatan gejala sosial seperti pergaulan bebas dan penyalahgunaan dadah. Beliau menekankan perlunya pendekatan holistik yang menggabungkan pendidikan agama, penguatkuasaan undang-undang, dan kawalan media.

Dalam aspek penindasan hak wanita dan kanak-kanak, kajian Dr. Nisar Mohammad Ahmad (2018) dan Siti Maziah Samsudin (2022) menyorot bahawa undang-undang Islam telah menyediakan perlindungan yang jelas, namun kelemahan penguatkuasaan

menyebabkan hak-hak ini sering diabaikan. Mereka mencadangkan pendidikan kesedaran dan kempen advokasi hak wanita dan kanak-kanak perlu diperkasakan agar masyarakat lebih memahami dan menghormati prinsip keadilan Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap dokumen, artikel jurnal, berita dan laporan kes berkaitan pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber yang merangkumi isu-isu gejala sosial, krisis identiti, keruntuhan akhlak dan penindasan hak wanita dan kanak-kanak. Analisis kandungan dijalankan bagi mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan keberkesanan dan cabaran pelaksanaan undang-undang Syariah dalam konteks masyarakat Malaysia.

Proses analisis turut melibatkan perbandingan antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil bagi menilai kesesuaian dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang Islam dalam menangani isu masyarakat. Data dianalisis secara tematik dengan memberi fokus kepada hikmah pelaksanaan undang-undang Syariah serta cadangan penambahbaikan pelaksanaannya pada masa akan datang.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Idea Hikmah Pelaksanaan Undang-Undang Dalam Menangani Masyarakat Islam.

Setiap negara mempunyai hak mereka masing-masing untuk mencipta undang-undang di negara mereka dengan hasil perbincangan antara Ulama' dan Ahli hukum yang telah berusaha dalam menerangkan serta menggunakan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Isu undang-undang Syariah yang semakin hebat diperdebatkan kebelakangan ini harus ditangani dengan penjelasan yang menyeluruh kepada masyarakat kerana mereka hanya melihat undang-undang Syariah yang dilaksanakan ini dari sudut yang sempit dan negatif. Terdapat beberapa sebab atau hikmah di sebalik setiap undang-undang yang dikeluarkan untuk masyarakat muslim di negara kita. (Senator Dato' Dr Asyraf Wajdi Dusuki, 2015).

Membentuk muslim yang berakhlak mulia dan bertaqwa

Undang-undang dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran kepada seluruh masyarakat Islam agar tidak mengulangi atau sesekali melakukan perbuatan buruk. Justeru itu, kadar penurunan kes jenayah juga akan semakin berkurangan kerana hasilnya undang-undang Syariah yang dilakukan secara saksama. Pelaksanaan hukuman juga memberikan pengajaran langsung kepada masyarakat mengenai keadilan dan keberkesanan Syariah dalam menangani isu moral. Dengan itu, ia dapat membentuk dan membantu masyarakat Islam dalam menerapkan sifat-sifat Mahmudiah iaitu akhlak yang mulia dan bertaqwa mencontohi sifat Rasulullah S.A.W. (Harakah Daily, 2024).

Tambahan, pelaksanaan undang-undang Syariah mendidik rakyat agar menjauhi maksiat, menghormati undang-undang Syariah dan membentuk masyarakat yang lebih

bertanggungjawab serta bermaruah. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat Islam akan lebih memikirkan keberkesanan hidup umat Islam dari sudut positif jika mereka menjauhi perbuatan terkutuk tersebut dan bimbang akan hukuman yang akan dihadapi mereka. Selain itu, undang-undang juga dapat membuka mata seluruh masyarakat Islam bahawa agama Islam amat menitikberatkan keharmonian dan kesejahteraan sejagat. Secara tidak langsung dapat menjentik jiwa masyarakat Islam dalam bertaubat dan bertaqwa hanya pada yang satu, Allah S.W.T. (Harakah Daily,2024).

Undang-undang Syariah yang diturunkan Allah S.W.T bukan sekadar hukuman bagi orang yang melakukan kesalahan tetapi untuk menghilangkan dosa-dosa yang telah dilakukan oleh si pelaku serta mewujudkan individu yang terbaik dan lebih berdisiplin dalam menguruskan kehidupan. (NurulFatihah Muah, 2024).

Bertepatan dengan ayat 49, surah al-Maidah, Allah S.W.T bersabda bahawa:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَأَحْذَرْتَهُمْ أَنْ  
يَقْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ  
يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyakannya Allah mahu menyiksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik.”

Menjaga kelangsungan hidup kekeluargaan dan keturunan.

Keluarga merujuk kepada satu struktur khas yang ahlinya memiliki pertalian antara satu sama lain akibat hubungan darah atau perkahwinan dan pertalian ini menimbulkan rasa saling mengharap antara satu sama lain yang telah ditetapkan oleh agama, diteguhkan oleh undang-undang dan difahami oleh setiap individu. Setiap ahli keluarga memainkan peranan yang penting dalam mendidik sesebuah masyarakat Islam kerana melambangkan identiti agama itu sendiri. Justeru itu, undang-undang Syariah ditubuhkan bagi menjaga keharmonian kekeluargaan dan maruah sesebuah keluarga itu. Agama Islam mengangkat tinggi dalam hal kekeluargaan masyarakat Islam kerana individu Islam mula dibentuk melalui hubungan kekeluargaan dan amat penting kerana ia merupakan asas kepada saling menghormati dan tolong-menolong bagi memakmurkan seluruh masyarakat Islam dan menjamin kesejahteraan berteraskan panduan agama. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022).

Kebelakangan ini, realiti keluarga Islam masa kini sedang menghadapi ancaman yang cukup besar sehingga membawa kepada keruntuhan akhlak, sosial dan ekonomi.

Sebagai contoh, faktor sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat akan hal anak-anak mereka dan pengaruh rakan sebaya serta media massa. Oleh itu, rumah tangga merupakan masalah utama dalam keruntuhan akhlak masyarakat Islam kerana mendapat aduan tertinggi di dalam undang-undang Syariah diikuti faktor tidak bertanggungjawab, masalah komunikasi dan kurang penghayatan agama. Dengan adanya undang-undang Syariah, kekeluargaan Islam akan lebih terjaga dan dihormati kerana undang-undang yang ditetapkan dapat memupuk peranan ahli keluarga masing-masing dalam bertoleransi, memahami dan bertanggungjawab antara satu sama lain serta membantu mengukuhkan tiang kekeluargaan. (Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad, 2023).

Seterusnya, rasa bertanggungjawab dalam sesebuah rumah tangga akan muncul apabila pihak yang dipertanggungjawabkan samada suami atau isteri memahami hakikat sebuah tanggungjawab dan mengetahui akibat apabila peranan itu diabaikan. Undang-undang Syariah menetapkan agar sebelum diadakan pernikahan, pasangan perlu menghadiri Kursus Pra Perkahwinan terlebih dahulu agar mereka mengetahui dan arif tentang alam keluarga yang sebenar dan tidak berlaku sebarang jenayah dalam rumah tangga. Selain itu, diwujudkan undang-undang berkaitan pemberian nafkah kepada isteri dan anak-anak samada dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku penceraian. Hal ini dilakukan bagi membendung kezaliman dan pergaduhan, dengan cara ini dapat menjaga kehormatan dan usaha pencegahan daripada berlaku sesuatu yang tidak sewajarnya dalam sebuah rumah tangga muslim. (Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad, 2023).

Tuntasnya, keturunan yang akan datang dapat dipelihara dan dibentuk dengan baik kerana didikan dari sesebuah keluarga tersebut yang menerapkan unsur-unsur kesejahteraan dan harmoni. Selepas itu, dapat menghindari dari isu-isu sosial yang buruk seperti melahirkan anak luar nikah dan hubungan yang terlarang. Perkara tersebut telah dilaksanakan oleh undang-undang Syariah agar tidak berleluasa dan bukan sekadar untuk memalukan masyarakat Islam semata-mata tetapi untuk membentuk muslim yang mulia dan mewujudkan rasa kebersamaan yang erat antara muslim. (Talhah Ajmain, 2019).

#### Mendapat Keadilan Yang Sama Rata.

Agama Islam merupakan sebuah agama yang adil, yang bukan sahaja menekankan kepada pelaksanaan keadilan tetapi turut menuntut umatnya supaya berlaku adil. Adil boleh didefinisikan sebagai bertindak dan membuat pertimbangan dengan istiqamah, betul dan tepat mengikut pertimbangan Al-Quran dan ijtihad. Islam juga menentukan bahawa keadilan itu adalah meletakkan sesuatu itu pada tempatnya. Contoh yang boleh diambil, harta seharusnya diserahkan sama ada kepada yang empunya ataupun kepada orang atau kumpulan yang berhak menjaganya. Oleh itu, setiap orang akan mendapat sejumlah harta mengikut jumlah yang dia berhak ke atasnya. (Marina bt Abu Bakar, Konsep Keadilan Sosial Dalam Islam).

Undang-undang Syariah dapat membantu masyarakat Islam dalam mendapatkan keadilan dan membela nasib si mangsa agar kezaliman tidak berleluasa serta melindungi hak-hak yang patut diterima kepada individu yang berhak mendapatkannya. Keadilan sangat

dituntut agama Islam dalam melaksanakan hukuman undang-undang serta amat ditegah bagi orang yang tidak memberi keadilan kepada masyarakat Islam. Hal ini akan mengelakkan umat Islam dari menghadapi fitnah yang buruk serta dapat membangun masyarakat Islam dari pelbagai sudut iaitu , sosial, ekonomi dan agama sendiri. (Mohd Nazri Ahmad, 2001).

Bagi mengukuhkan lagi tuntutan keadilan dalam undang-undang Syariah, Al-Quran dan hadis-hadis juga banyak menyuruh umat Islam agar melaksanakan dan mengawal keadilan. Di samping itu, ayat-ayat Al-Quran dan hadis banyak pula mengutuk kezaliman dan penindasan sesama manusia dan lainnya. Firman Allah S.W.T:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu(dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.” (Surah An-Nahl; ayat 90)*

Berlaku huru-hara dan kekacauan di dunia ini kerana tidak ada nya keadilan kepada masyarakat dan sesetengah pihak. Oleh itu, keadilan merupakan tunjang utama bagi sesebuah masyarakat Islam agar kekal dilindungi dan disanjung. (Marina bt Abu Bakar, Konsep Keadilan Sosial Dalam Islam).

Undang-undang Syariah dapat membantu masyarakat Islam dalam mendapatkan keadilan dan membela nasib si mangsa agar kezaliman tidak berleluasa serta melindungi hak-hak yang patut diterima kepada individu yang berhak mendapatkannya. Keadilan sangat dituntut agama Islam dalam melaksanakan hukuman undang-undang serta amat ditegah bagi orang yang tidak memberi keadilan kepada masyarakat Islam. Hal ini akan mengelakkan umat Islam dari menghadapi fitnah yang buruk serta dapat membangun masyarakat Islam dari pelbagai sudut iaitu , sosial, ekonomi dan agama sendiri. (Mohd Nazri Ahmad, 2001).

Bagi mengukuhkan lagi tuntutan keadilan dalam undang-undang Syariah, Al-Quran dan hadis-hadis juga banyak menyuruh umat Islam agar melaksanakan dan mengawal keadilan. Di samping itu, ayat-ayat Al-Quran dan hadis banyak pula mengutuk kezaliman dan penindasan sesama manusia dan lainnya. Firman Allah S.W.T:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu(dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.” (Surah An-Nahl; ayat 90)*

Berlaku huru-hara dan kekacauan di dunia ini kerana tidak ada nya keadilan kepada masyarakat dan sesetengah pihak. Oleh itu, keadilan merupakan tunjang utama bagi sesebuah masyarakat Islam agar kekal dilindungi dan disanjung. (Marina bt Abu Bakar, Konsep Keadilan Sosial Dalam Islam)

**Isu Pelaksanaan Undang-Undang.**

Isu Peningkatan Gejala Sosial dan Jenayah dalam Masyarakat Islam.

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi pada masa kini, masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk di negara- negara yang kebanyakannya penduduk Islam sedang menghadapi pelbagai masalah dalam membentuk nilai – nilai yang baik dalam diri seseorang terutamanya remaja zaman sekarang. Ini menjadi cabaran pertama pada kedua ibu bapanya dalam menjaga anak anak mereka terutama dalam masalah yang melibatkan gejala sosial dan jenayah. Itu adalah ujian sebagai ibu bapa pada zaman sekarang dalam membentuk jati diri dalam diri remaja sekarang. Kita bersedih kerana gejala sosial banyak melibatkan generasi muda yang merupakan bakal pewaris kepimpinan negara. (Amini Amir Abdullah, 2024).

Di samping itu, gejala sosial dikatakan bahaya kerana ia merupakan tingkah laku atau fenomena dalam masyarakat yang dianggap menyimpang daripada norma – norma dan nilai – nilai yang diterima umum. Manakala, jenayah ini juga boleh membawa kepada kes pelanggaran undang – undang negara dan syarak yang boleh dikenakan hukuman. (Noor Aziah, 2013). Antara gejala sosial yang semakin hari semakin hangat terjadi dalam masyarakat islam iaitu pergaulan bebas, seks luar nikah, penagihan dadah, minum arak dan sebagainya. Semua gejala ini telah membuktikan bahawa masyarakat masa kini sedang berhadapan dengan krisis keruntuhan akhlak yang perlu dititik beratkan.

Selepas itu, perkara ini tidak akan berlaku disebabkan oleh beberapa punca utama iaitu kelemahan didikan agama dan moral diri remaja. Kebanyakan remaja yang melakukan perkara itu sudah pasti tidak mempunyai didikan agama dan tidak takut pada dosa atau pembalasan Tuhan di atas perbuatan mereka. (Naquib Matyo 2017). Tambahan pula, institusi keluarga juga amat memainkan peranan yang besar tetapi yang terjadi pada masa sekarang ialah ibu bapa sibuk mengejar kerjayanya sehingga mengabaikan Pendidikan agama dan akhlak anak – anak. Anak – anak yang tidak mendapat kasih sayang yang cukup lebih cenderung melakukan perkara negatif di luar tanpa pengetahuan ibu bapanya kerana mereka berfikir bahawa di luar sana mempunyai orang yang boleh beri kasih sayang kepadanya.

Selain itu, pengaruh media masa dan teknologi yang melampau juga menjadi penyumbang besar dalam tarikan ke arah gejala sosial dikalangan remaja. Ramai remaja sekarang sudah mempunyai gajet dan terdedah kepada hiburan budaya barat seperti muzik, filem, drama, dan sebagainya. (Salmah Omar, 2015). Pada masa kini, mereka lagi kedepan tentang kegunaan teknologi sehingga mereka mengathui satu aplikasi iaitu ‘ometv’, ‘litmach’ dan banyak lagi. Ini menjadi bahaya apabila mereka sudah obsess bermain sehingga memberi juga privasi diri masing – masing. Perkara ini boleh ke aras gejala sosial apabila seorang lelaki mula bernesra dengan Perempuan dan akan teruskan membuat Tindakan seterusnya yang mungkin lebih hebat. Tanpa kawalan yang tegas mulai dari sekarang, kandungan sebegini menjadi makanan rohani harian bagi sebahagian besar generasi muda sehingga nilai – nilai islam dalam diri sudah tiada.

Isu yang sedang hangat dibualkan pada masa kini ialah peninngkatan kes rogol dan sumbang mahram di Kelantan. Statistik menurut ketua polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff menunjukkan peningkatan ketara dalam kes rogol dan sumbang mahram di Kelantan, dengan 252 kes direkodkan sepanjang tahun 2024 berbanding 206 kes pada 2023, iaitu berlaku peningkatan sebanyak 22.3%. Dalam sidang media khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan hari ini beliau berkata, antara faktor penyumbang kepada situasi ini termasuk konflik keluarga, kelalaian ibu bapa, percintaan bawah umur dan pengaruh bahan lucah yang mudah diakses pada hari ini juga salah satunya. Jelaslah disini bahawa ibu bapa juga memainkan peranan utama dalam tangani masalah ini menjadi semakin teruk. “Kita telah berusaha sebaik mungkin namun, jika ibu bapa tidak memainkan peranan mereka memantau anak masing-masing, usaha ini sukar untuk berjaya. (Ustaz Mohd Nassuruddin, 2025). Allah juga melarang perbuatan ini dan buktinya dalam surah al-Israk allah ada menceritakan tentang zina.

لَا تَقْرُبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”*

#### Isu Krisis Identiti Dan Keruntuhan Akhlak Dalam Masyarakat Islam

Pada zaman islam moden ini, semakin lama semakin meningkat krisis identiti dan keruntuhan akhlak dalam masyarakat islam terutamanya generasi muda. Generasi muda merupakan aset yang terpenting dalam menentukan kemajuan sesebuah negara. Justeru itu, mereka ini perlulah digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik untuk melahirkan satu model yang ideal dan berkualiti pada masa akan datang. Keterlibatan remaja Islam di Malaysia dalam aktiviti yang meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas dan perlakuan zina adalah satu perkara yang sangat membimbangkan. Kenyataan ini bukannya suatu persepsi kosong bertujuan untuk merendahkan martabat orang Islam atau menakutkan mana-mana pihak semata-mata. Bahkan, kenyataan ini didukung oleh hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan, terdapat banyak peningkatan kelahiran anak tak sah taraf atau anak zina direkodkan hasil daripada perzinaan dan seks bebas yang kebanyakannya dari kalangan remaja Muslim di Malaysia. (Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukur, S., Abdul, L. A., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., & Nik Salleh, 136-146).

Krisis identiti dalam kalangan umat islam dapat dilate apabila generasi muda kehilangan kepercayaan diri terhadap nilai agama. Biasanya perkara ini berlaku disebabkan generasi muda tidak mampu mengawal emosi dan perasaan mereka. Permasalahan stres sehingga mampu menggelar pergelangan tangan dan membunuh diri pon muncul. Sepatutnya krisis identiti sudah dibentuk sejak kecil lagi dan ibu bapalah yang bertanggungjawab dalam menjadikan identiti anak mereka identiti yang baik. Krisis identiti berlaku disebabkan generasi muda memiliki pandangan yang sempit dan terbatas terhadap kehidupan. Hal ini disebabkan, mereka kurang pengalaman hidup dan tidak mahu mengambil iktibar dari kisah dahulu. Untuk mengenali identiti diri, remaja muslim perlulah mencari kebenaran yang kekal iaitu mengetahui matlamat hidup. Kuncinya adalah menghidupkan hati nurani agar dapat kembali kepada tujuan asal hidup iaitu berbakti kepada allah dan memberi manfaat kepada manusia. (Nur hidayah , Huriati,).

Seterusnya, keruntuhan akhlak remaja muslim kini semakin membimbangkan kepada masyarakat islam. Pada hari ini, dapat dilihat remaja muslim sering melakukan pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Hal ini berkemungkinan kurangnya didikan agama daripada ibu bapa. Remaja yang terlibat dengan permasalahan akhlak kebiasaannya mempunyai latar belakang keluarga yang tidak memberi didikan agama kepada mereka. Agama yang berupaya membentuk jati diri remaja tidak didedahkan sepenuhnya kepada mereka sejak awal peringkat umur lagi. Justeru, ini membuka ruang dan jalan kepada remaja muslim terdedah dengan masalah-masalah keruntuhan akhlak. Pendidikan agama di dalam seseorang manusia tidak boleh dipisahkan. Tanpa pegangan agama, remaja muslim akan kehilangan jati diri dalam menempuh kehidupan dunia yang mencabar. (Wan Abdul Fattah et.al, 2022).

Jika ditinjau dari perspektif yang lain, undang-undang islam seperti yang berpandukan al quran dan as sunnah sangat relevan dalam menangani isu ini. Pandangan Fuqaha' seperti Ibn Abidin dan Ibn Humman menjelaskan bahawa siksaan ataupun hukuman wajar dilihat sebagai satu mekanisme pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya. Pandangan ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi bahawa pensyariatatan atau perundangan merupakan nilai kekuatan yang utama bagi sesebuah masyarakat. Sesebuah masyarakat memerlukan kepada perundangan untuk mengatur perhubungannya dan menghukum sesiapa yang menyeleweng dari kaedahnya sama ada perundangan ini turun dari langit atau keluar dari bumi. Hati nurani dan dorongan-dorongan jiwa tidak mencukupi buat manusia secara umum untuk memelihara keselamatan masyarakat serta strukturnya dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan dalam kalangan manusia (Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi, 2012). Pandangan ini sangat relevan dan bersifat realistik kerana melihat kepada situasi semasa, keruntuhan akhlak yang membimbangkan menunjukkan bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai Islam yang ada dalam diri tidak mencukupi untuk menghalang sekelompok individu dalam masyarakat daripada terlibat dalam keruntuhan akhlak.

Seterusnya, dalam pendekatan ini, krisis identiti dan keruntuhan akhlak boleh ditangani dalam pelbagai cara. Antara cara-caranya ialah menerapkan asas agama kepada remaja muslim. Penerapan asas agama terhadap remaja muslim perlulah dibentuk sejak dari awal lagi bagai melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Pelajaran asas agama seperti ilmu fardhu ain iaitu perkara-perkara berkaitan aqidah dan kepercayaan seperti mengenal Allah dan Rasulnya, mendirikan solat, membaca, memahami Al-Quran amat penting dalam kalangan remaja muslim. Ilmu fardhu ain adalah ilmu yang di mana semua orang wajib mengetahuinya dan apabila kita tidak mengetahui tentang ilmu ini maka kita tergolong dalam golongan orang yang fasik. Sebagai contoh, pemeraksanaan pelajaran asas agama dalam sektor pendidikan di sekolah mahupun di universiti mesti diperkukuhkan lagi dari segi teorikal dan praktikal. Penekanan yang berterusan dari sudut tauhid dan akhlak amat diperlukan untuk menanam rasa cinta kepada allah SWT dalam diri remaja muslim. Kesannya, remaja muslim yang sudah ada asas agama akan selalu takut untuk melakukan dosa dan dapat mempertahankan diri daripada melakukan sebarang kemungkaran dan maksiat serta bersifat ihsan dalam melakukan kebaikan (Nozira Salleh & Maryam Zulaikha Ramlan, 2023).

Akhir sekali, di sebalik cabaran ini, terdapat banyak hikmah yang boleh diambil sebagai iktibar iaitu membentuk jati diri muslim yang kukuh, masyarakat lebih bermoral dan patuh kepada ajaran agama yang dibawa oleh nabi muhammad SAW. Hal ini dikatakan kerana, jati diri yang kukuh dapat menanam sifat-sifat yang baik iaitu mempunyai pegangan yang tetap dalam membuat perkara yang disuruh Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Ilmu adalah asas yang penting sebagai bekalan dalam mencapai kesempurnaan aspek kerohanian dalam diri seseorang. Dengan ilmu yang kukuh, remaja muslim akan takut membuat kejahatan kesan daripada mengenali Allah SWT serta melakukan ibadah kepadanya dalam keadaan yang khusyuk dan istiqamah dalam beribadah. (Sahriansyah, 2014).

Isu Yang Ketiga: Penindasan Hak Wanita Dan Kanak-Kanak.

Pada era pasca modenisasi ini, penindasan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak masih berlaku dalam masyarakat termasuklah dalam kalangan umat Islam. Ada segelintir masyarakat yang tidak mengambil kisah atau peduli tentang isu penindasan hak wanita dan kanak-kanak. Isu ini bukanlah isu yang baharu wujud tetapi sudah lama wujud sejak zaman Rasulullah. Sudah terang lagi bersuluh, agama Islam wujud untuk membela hak-hak wanita dan kanak-kanak yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW. Isu yang berlaku kini mencerminkan kegagalan masyarakat memahami dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Kedatangan Islam sebenarnya untuk menaikkan darjat kaum hawa dan melindungi hak kanak-kanak, namun sayangnya masih terdapat kes-kes penderaan fizikal dan emosi, keganasan rumah tangga, pengabaian nafkah dan eksploitasi kanak-kanak yang amat membimbangkan. (Dr. Mohd Musa Bin Sarip, 2019).

Penindasan hak wanita baru-baru ini sering berlaku dalam masyarakat Islam. Penindasan hak wanita dari aspek kekeluargaan iaitu penderaan fizikal dan emosi wanita di dalam sesebuah rumah tangga. Penderaan berlaku apabila wanita dilayan secara kasar dan dijadikan hamba di dalam rumah. Hal ini berlaku disebabkan ketidakserasian dalam memilih pasangan sehingga berlakunya salah guna kuasa sebagai seorang ketua keluarga. Antara contoh penderaan fizikal yang berlaku seperti dipukul, ditendang, diterajang dan penderaan emosi seperti dimaki hamun, dihina dan diugut. Penindasan ini selalunya berlaku secara sembunyi kerana wanita takut untuk bergantung dan menceritakan masalah keluarganya kepada orang lain yang terdekat. Kejadian ini boleh memberikan kesan yang mendalam terhadap emosi dan mental seorang wanita lalu menyebabkan wanita ini mengambil inisiatif untuk membunuh diri atau menggantung dirinya. Keadaan ini jelas melanggar hak wanita untuk hidup dalam persekitaran yang selamat dan bebas dari kekerasan. (Siti Maziah Samsudin, 2022).

Selain itu, penindasan juga boleh berlaku kepada kanak-kanak kerana sikapnya. Penderaan fizikal dan emosi kanak-kanak biasanya terjadi dalam sesebuah keluarga. Kebiasaannya kanak-kanak ini boleh dimarahi dan dirotan tetapi janganlah berlebihan sehingga boleh menjejaskan kesihatan fizikal dan mentalnya. Setiap ibu bapa perlu tahu cara mendidik anak mereka dengan betul malahan Islam juga ada menyuruh rotanlah anakmu jika mereka tidak mahu solat sejak usia 7 tahun. Penderaan fizikal dan emosi kanak-kanak juga boleh merenggangkan hubungan ibu bapa dan anak-anak lalu mereka lebih percaya kepada kawan-kawan mereka berbanding ibu bapa sendiri.

Seharusnya penderaan fizikal dan emosi tidak patut berlaku, ibu bapa boleh sahaja berkata dengan baik dan tidak perlu sampai memukul dan memaki hamun. Keadaan ini jelas kanak-kanak kini menjadi tempat lepas kemarahan ibu bapa dan hak-hak mereka juga terjejas. (Balqis Nurul Huda Armadi, 2022).

Tidak disangka lagi, Islam secara jelas menolak segala bentuk penindasan sama ada penderaan fizikal atau emosi. Undang-undang Islam juga adil dan relevan kerana ia berpandukan sumber daripada al-quran dan as-sunnah. Di dalam al-quran menekankan konsep keadilan, kasih sayang, dan penghormatan terhadap hak individu khususnya hak wanita dan kanak-kanak. Islam amat menitikberatkan perlindungan terhadap kaum hawa dan hak-hak penjagaan kanak-kanak. Sebagai contoh, suami wajib memberi nafkah zahir dan batin kepada isterinya dari aspek makanan, pakaian dan tempat tinggal. Suami juga memainkan peranan sebagai ayah kepada anak-anak dan wajib memberi nafkah kepada mereka. Kebiasaannya yuran pengajian anak-anak dan keperluan anak setiap bulan, bapa yang perlu membayarnya walaupun rumah tangga mereka berada dalam masalah tetapi tanggungjawab perlu dilaksanakan. Keadaan ini jelas bahawa ketua keluarga perlu mengambil cakna terhadap keluarganya dan tidak melepaskan tanggungjawab sebagai seorang suami dan ayah kepada anak-anak agar mereka ini mendapatkan kasih sayang yang secukupnya. (Dr. Nisar Mohammad Ahmad, 2018).

Di samping itu, banyak cara untuk menangani isu penindasan hak wanita dan kanak-kanak antaranya ialah memperkenalkan pendidikan islam yang sah. Kempen kesedaran tentang jauhi penindasan hak wanita dan kanak-kanak boleh diwujudkan. Kempen ini bukanlah untuk merendahkan golongan dewasa atau yang sudah berumur malah kempen ini memberikan ilmu dan iktibar supaya perkara-perkara buruk seperti penindasan hak wanita tidak berlaku pada masa akan datang. Kerajaan juga boleh menyokong dan terlibat dalam kempen seperti ini supaya masyarakat dapat menghadirkan diri ke dalam kempen ini. Kadangkala, kempen seperti inilah boleh mencegah masalah penindasan hak wanita dan kanak-kanak yang berlaku kini. Penganjur kempen ini juga boleh membuat jualan rahmah untuk menarik perhatian dan kehadiran masyarakat setempat bak kata pepatah sambil menyelam minum air. Selain itu, saluran aduan dan pusat perlindungan wanita dan kanak-kanak harus diperluaskan agar mereka ada tempat berlindung jikalau berlakunya keganasan rumah tangga. Masyarakat juga memainkan peranan penting jika melihat keganasan rumah tangga berlaku dengan cara membantu mereka dan tidak menutup mata apabila berhadapan dengan isu sebegini. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa penting untuk kerajaan mewujudkan kempen-kempen kesedaran agar masyarakat sedar tentang kesan negatif yang muncul jika masalah ini tidak dibanteras. (Mariam Abd Majid, 2018,).

Akhir sekali, hikmah yang boleh didapati apabila kita menangani isu ini adalah menjamin keadilan dan kebajikan golongan yang lemah dalam masyarakat. Islam amat menekankan keadilan dan kasih sayang sebagai asas kehidupan sesebuah keluarga. Pihak lelaki yang menentukan kehidupan keluarganya sama ada menjadi keluarga yang bahagia atau keluarga yang dipandang serong. Dengan memartabatkan hak wanita dan kanak-kanak, masyarakat islam akan lebih dihormati dan disegani. Isu penindasan hak wanita dan kanak-kanak menjadi peringatan untuk masyarakat islam kembali kepada fitrah iaitu berpegang kepada ajaran agama islam yang sebenar (Mastura Haji Abd Wahab, 2021).

**Cabaran Dan Penyelesaian Pelaksanaan Undang-Undang.**

Undang-undang merupakan teras utama dalam membentuk dan mengatur kehidupan sesebuah masyarakat. Sistem perundangan Islam berpaksikan kepada Al-Quran, hadis, ijmak, dan qiyas bagi menjamin kesejahteraan kehidupan seharian umat Islam. Ia merangkumi pelbagai aspek termasuklah ibadah, jenayah, dan kekeluargaan. Namun begitu, pelaksanaan undang-undang ini sering berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan keberkesannya dalam menangani isu-isu sosial dan moral yang berlaku dalam kalangan umat Islam pada hari ini. Cabaran-cabaran ini perlulah ditangani dengan segera agar matlamat maqasid syariah dapat dicapai (Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009).

Pertembungan antara Sistem Undang-undang Sivil dan Undang-undang Syariah.

Antara cabaran utama dalam pelaksanaan undang-undang dalam menangani masyarakat Islam ialah perbezaan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Di negara seperti Malaysia, sistem perundangan yang diamalkan bersifat dwi sistem, iaitu merangkumi undang-undang sivil dan Syariah. Namun, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa yang terhad kepada hal-hal tertentu seperti kekeluargaan, ibadah, dan kesalahan jenayah kecil melibatkan orang Islam. Hal ini menyebabkan pelaksanaan undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan kadangkalanya berlaku pertindihan bidang kuasa yang boleh menimbulkan konflik dan kekeliruan dalam sistem keadilan. Contohnya, berlaku isu perebutan hak penjagaan anak di antara pasangan yang telah bercerai dan isu pembahagian harta di antara adik-beradik (Mohamed Azam, 2000).

Allah SWT telah berfirman dalam surah Al-Maidah ayat 49,

*“Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka menurut apa yang telah diturunkan oleh Allah, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu mereka...”*

Ayat ini jelas menunjukkan kewajipan umat Islam melaksanakan hukum Allah SWT tanpa tunduk kepada sistem lain yang bertentangan. Oleh itu, kita perlulah mendahulukan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kerana dialah sebaik-baik pemberi balasan.

Oleh itu, penyelarasan perundangan perlulah dilakukan. Hal ini merujuk kepada usaha untuk menyusun dan menyelaraskan semula sistem perundangan negara supaya wujud keharmonian antara dua sistem mahkamah yang berbeza bidang kuasa iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Contohnya, kerajaan perlulah merubah beberapa pindaan dalam perlembagaan persekutuan seperti undang-undang berkaitan untuk memperjelas serta memperkukuh kedudukan Mahkamah Syariah agar tidak mudah dicabar oleh Mahkamah Sivil dalam perkara yang berkaitan dengan orang Islam (Abdul Monir Yaacob, 2013).

### Campur Tangan Pihak Politik dan Pihak Berkepentingan

Selain itu, campur tangan politik juga menjadi faktor yang tidak boleh diketepikan dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam secara menyeluruh. Dalam sesetengah keadaan, isu berkaitan pelaksanaan undang-undang Syariah sering dijadikan bahan perdebatan politik oleh pihak tertentu demi meraih sokongan atau keuntungan politik semata-mata, walhal pelaksanaannya tidak dilakukan secara betul dan adil. Tindakan ini menyebabkan keputusan yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang Islam tidak lagi berdasarkan prinsip keadilan dan hukum Syariah yang sebenar, tetapi lebih dipengaruhi oleh tekanan politik, kepentingan kelompok tertentu, atau ketakutan terhadap reaksi masyarakat bukan Islam. Keadaan ini seterusnya melemahkan integriti institusi Syariah dan boleh mengakibatkan masyarakat menjadi keliru, hilang kepercayaan, dan timbul perpecahan sesama umat disebabkan oleh sistem perundangan negara. Ini bertentangan dengan prinsip Islam yang mengutamakan prinsip kesatuan dan keikhlasan dalam menegakkan kebenaran. Tambahan pula, dalam negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, sensitiviti terhadap isu-isu agama sering menjadi alasan bagi pihak berkuasa untuk lebih berhati-hati dan mengambil pendekatan yang terlalu kompromi. Ketidaktegasan ini akhirnya mencetuskan persepsi bahawa undang-undang Islam hanya bersifat simbolik dan tidak mampu dilaksanakan secara efektif. Sedangkan dalam Islam, pelaksanaan hukum adalah suatu amanah besar yang tidak boleh dipermainkan dan ditinggalkan tanpa alasan yang kukuh (Nur Farhana & Nur Syariah, 2020).

Allah SWT telah berfirman dalam Surah Al-Ma'idah ayat 49:

*“Dan hendaklah kamu menghukum di antara mereka menurut apa yang telah diturunkan oleh Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan waspadalah terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu...”* (Surah Al-Ma'idah: 49)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa kewajipan untuk melaksanakan hukum Allah adalah suatu perintah yang mesti dipatuhi, tanpa dipengaruhi oleh kehendak manusia atau tekanan luar. Maka, sebarang bentuk campur tangan politik yang menjejaskan pelaksanaan undang-undang Islam perlu ditangani dengan tegas dan bijaksana agar sistem keadilan Islam dapat ditegakkan secara menyeluruh dan adil.

Dengan munculnya masalah seperti ini, langkah penyelesaian perlulah diambil bagi mengelakkan daripada masalah ini menjadi lebih berleluasa. Antaranya, kerajaan perlulah mengasingkan kuasa yang merujuk kepada prinsip-prinsip asas dalam sistem demokrasi yang membezakan peranan tiga cabang utama kerajaan iaitu badan eksekutif, badan perundangan, dan badan kehakiman. Tujuan utama pengasingan ini adalah untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan kuasa dan semua cabang berfungsi secara bebas serta saling mengimbangi antara satu sama lain (Bharuddin Che Pa & Farizah Zulkafli, 2014).

### Keterbatasan Kuasa Mahkamah Syariah

Kuasa mahkamah syariah untuk menentukan denda dan hukuman amatlah terbatas, bidang kuasa jenayah bagi Mahkamah Syariah adalah “dikurniakan” oleh Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Mahkamah Syariah telahpun ditentukan oleh Akta Mahkamah Syariah Bidang kuasa Jenayah 1965 (Pindaan 1984). Iai memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman maksimum RM5000.00 denda, ataupun penjara maksimum 3 tahun ataupun sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan.

### Kesalahan Berkaitan Akidah Seperti Menyebarkan Doktrin Palsu Dan Takfir

Berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya seperti menghina perkara-perkara yang berkait dengan agama, pihak berkuasa agama, fatwa, ingkar perintah mahkamah, berjudi, minum arak dan minuman yang memabukkan, tidak menghormati bulan Ramadan, tidak menunaikan solat Jumaat dan tidak membayar zakat atau fitrah.

Berhubung dengan kesusilaan seperti sumbang mahram, pelacuran, hubungan jenis, khalwat, lelaki berlagak seperti pondan dan perlakuan tidak sopan di khalayak ramai. Kesalahan pelbagai seperti membawa lari wanita yang sudah bersuami, menghalang pasangan yang telah bernikah daripada menjalani kehidupan sebagai suami isteri, menghasut suami isteri supaya bercerai atau meninggalkan kewajipan, menjual atau memberi anak kepada bukan Islam, qazaf (menuduh zina), mengutip zakat tanpa kebenaran dan menyalahgunakan tanda halal.

### Bidang Kuasa Mal

Istilah 'mal' sebenarnya merujuk kepada harta tetapi dalam konteks undang-undang, ia merujuk kepada kes bukan jenayah. Bidang kuasa salah Mahkamah Syariah terpakai kepada semua orang Islam yang menetap di negeri-negeri. Malah, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mal yang hampir menyeluruh dan merangkumi banyak aspek keluarga Islam:

- i. Berkaitan dengan isu sebelum kahwin.  
Seperti memutuskan pertunangan, permohonan kebenaran berkahwin dan permohonan poligami.
- ii. Berkaitan dengan isu semasa perkahwinan.  
Seperti permohonan pengesahan nikah, permohonan membatalkan perkahwinan tidak sah, permohonan nafkah diri, nafkah anak, mensabitkan isteri nusyuz, permohonan isteri membenarkan suaminya tinggal bersamanya semula dan sebagainya.
- iii. Berkaitan isu pembubaran perkahwinan.  
Isu-isu yang berbangkit selepas perceraian. Perkara-perkara ini boleh dirujuk di mahkamah yang ada bidang kuasanya, iaitu selepas perceraian berlaku. Umpamanya, sugu hati (mutaah) selepas perceraian, harta sepencarian, nafkah iddah, nafkah anak, nafkah tertunggak dan juga soal hadanah (penjagaan anak).

Permohonan-Permohonan Mengenai Wasiat, Wakaf Dan Harta Pusaka.

Tidak seperti mahkamah tinggi sivil yang tidak mempunyai had hukuman denda bagi memberi kesedaran kepada pelaku mengikut kesalahan yang di lakukan, jika teruk seperti jenayah membunuh maka hukuman dan denda akan di bagi setimpal mengikut keputusan hakim. Hal ini menyebabkan masyarakat islam di Malaysia memandang remeh dengan undang-undang syariah dan anggap bahawa hukuman dan denda yang di kenakan tidak lah seberapa dengan yang di kenakan mahkamah tinggi. Kesannya mereka akan melakukan jenayah di bawah bidang mahkamah syariah dengan bangga diri tanpa takut atas hukuman dan denda yang akan di kenakan (Siti Shamsiah binti Md Supi, 2003).

Menurut Cik Wan Rosli dalam artikel yang di tulis oleh beliau walaupun telah banyak usaha penambahbaikan dilaksanakan, kepimpinan negara dan pihak mahkamah menyedari bahawa masih banyak ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan. Hal ini bagi memastikan keadilan benar-benar kelihatan terlaksana. Contohnya langkah-langkah bagi mengatasi halangan pentadbiran, perubahan daripada sistem adversarial kepada inquisitorial, persekitaran mahkamah yang lebih baik, latihan untuk hakim khususnya di negara-negara yang melaksanakan sistem keadilan yang sistematik, lancar, dan berkesan, kreativiti dalam penghakiman, pewujudan sistem sokongan seperti unit kaunseling dalam bidang kuasa mahkamah selain juga sokongan padu pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan kelancaran kes. Oleh sebab peningkatan hukuman sedia ada dalam Seksyen 2 Mahkamah Syariah atau Akta 355 telah dijadikan polemik dan dipolitikkan, maka ada baiknya juga kajian khusus yang dilakukan. Kajian tersebut bertujuan mengenal pasti hubungan antara hukuman yang ringan dengan kesalahan yang dilakukan, misalnya melanggar perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah (Cik Wan Roslili Bt. Abd. Majid, 2017).

### **Implikasi Dan Contoh Pelaksanaan Undang-Undang Dalam Menangani Isu Masyarakat Islam.**

Pelindungan Akidah dan Ibadah.

Antara implikasi dalam pelaksanaan undang-undang ialah dapat melindungi akidah dan ibadah umat Islam. Hal ini akan membantu mencegah penyebaran ajaran sesat dan tindakan menghina agama. Hal ini juga dapat memberikan jaminan kebebasan beragama dalam kerangka yang tertib dan sesuai dengan syariat. Dengan adanya pelaksanaan undang-undang, masyarakat Islam akan lebih disiplin.

Sebagai contoh, “Nurcholish Madjid (1995) melihat pesantren sebagai simbol “Islam Indonesia yang toleran dan inklusif”. Ia juga menyoroti bagaimana pesantren memainkan peran strategis dalam membangun perdamaian dan harmoni sosial”. Ini membuktikan bahawa walaupun ianya di Indonesia, malah ia tetap mengutamakan pendamaian dan kehormonian dalam kalangan Masyarakat. (Prof. Dr. Syamsiah Badruddin, 2025).

Contoh lain ialah pesantren dipandang sebagai lingkungan yang mengintegrasikan pembelajaran agama, praktik ibadah, dan tanggungjawab sosial untuk menciptakan keselarasan antara manusia dan alam. Ini bermaksud pesantren penting bagi membentuk

sebuah karakter yang sempurna dari segi akhlak dan ibadahnya. (Prof. Dr. Syamsiah Badruddin, 2025).

#### Pemeliharaan Institusi Kekeluargaan Islam

Selain itu, pelaksanaan undang-undang juga dapat memelihara institusi kekeluargaan Islam. Hal ini menyebabkan ianya menghindari kekacauan dalam struktur sebuah keluarga, malah ia juga menjaga kedudukan wanita serta anak dalam sistem kekeluargaan. Seperti mana yang diketahui, terdapat banyak isu atau kes yang melibatkan hal keluarga. Hal ini juga boleh membuktikan bahawa betapa kurangnya pengetahuan seseorang dalam menangani masalah keluarga. Oleh itu, pelaksanaan undang-undang dalam institusi kekeluargaan juga penting.

Ini boleh dibuktikan dengan akta undang-undang keluarga islam (Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu “tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada mahkamah, membuat akad nikah lain dengan perempuan lain. Ini ternyata bahawa proses ingin berpoligami bukan sesenang yang kita telah anggap. Ini telah terbukti bahawa pelaksanaan undang-undang memelihara hak Wanita. (Akta Undang-Undang Keluarga Islam, 1984).

Pelaksanaan undang-undang ini juga memelihara kedudukan anak dalam sistem kekeluargaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, wujud akta kewajipan menanggung nafkah anak. Hal ini berlaku adalah kerana menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam penjagaannya atau jagaan sesorang yang lain. (Akta Undang-Undang Keluarga Islam, 1984).

#### Pencegahan Maksiat dan Pelanggaran Syariah.

Pelaksanaan undang-undang ini juga berfungsi untuk mendidik Masyarakat agar menghindari diri daripada perbuatan maksiat seperti zina, khalwat dan penggunaan alcohol. Hal ini menjelaskan bahawa pelaksanaan undang-undang bukan sahaja bertujuan untuk menghukum Sahaja, malah ia membantu dalam pencegahan secara menyeluruh.

Sebagai contoh, Seksyen 27 Enakmen Jenayah Syariah Johor (1997) melarang perbuatan khalwat. Kesalahan khalwat adalah satu kesalahan yang tergolong di dalam kesalahan ta'zir. Mahkamah diberi bidangkuasa atas kesalahan ini berdasarkan Hukum Syarak yang berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan Ijma'. Antara dalil-dalilnya ialah:

Firman Allah swt dalam Surah al-Isra' ayat 32 yang bermaksud;

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”*

Oleh itu, boleh disimpulkan secara menyeluruh bahawa setiap satu perkara dalam era dunia global kini, secara umumnya melibatkan pelaksanaan undang-undang. Boleh dikatakan mustahil jika kehidupan sesorang atau Masyarakat itu tidak terlibat dan tidak terkait langsung dengan pelaksanaan undang-undang. Oleh hal demikian, ketahuilah

bahawa pelaksanaan undang-undang mampu membantu masyarakat dalam apa jua situasi.

## KESIMPULAN

Konklusinya, pelaksanaan undang-undang dalam menangani masyarakat islam sangatlah penting bagi mengawal, mencegah dan mendidik umat islam dari melakukan dosa seperti membunuh, meminum arak, mencuri, merompak dan kesalahan jenayah berat yang lain yang bukan sahaja boleh merosakkan akidah mereka sendiri tetapi boleh menjatuhkan ekonomi dan kemakmuran negara. Bagi mewujudkan usaha ini semua pihak seperti mufti setiap negeri, badan kehakiman negara, hakim mahkamah syariah dan ahli parlimen perlulah mengambil berat tentang jenayah-jenayah berat ini dengan memperkasakan kuasa mahkamah syariah dengan berteraskan wahyu Ilahi melalui al-Qur'an dan al-Sunnah bukan sahaja menekankan aspek keadilan dan keseimbangan, tetapi juga memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat perlindungan hakiki, tanpa mengira latar belakang sosial atau ekonomi. Perkara ini di perkuatkan lagi dengan hadis daripada junjungan besar Nabi Muhammad SAW:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمُ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ، وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: “*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah Nabinya (Sunnah Nabi SAW).*” (Hadis Riwayat Imam Malik)

Dalam konteks negara ini, pelaksanaan undang-undang Syariah perlu sentiasa diperkasa agar lebih efektif dan relevan dengan perkembangan semasa, tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas syarak. Cabaran seperti salah faham terhadap hukum, kelemahan pentadbiran, serta isu ketidaksensitifan terhadap keperluan golongan tertentu perlu ditangani secara menyeluruh dan berhemah. Individu yang benar-benar taat kepada ajaran Islam akan lebih memahami dan menyedari pelbagai cabaran yang mampu menggugat kedudukan serta imej agamanya. Antara cabaran paling membimbangkan ialah ancaman yang datang dari dalam kalangan umat Islam sendiri. Hal ini pernah ditegaskan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi, yang menyatakan bahawa keruntuhan Islam tidak semestinya datang daripada musuh luar, tetapi boleh berpunca daripada umatnya sendiri. Fenomena ini berlaku apabila sebahagian umat Islam hilang kesedaran terhadap tanggungjawab agama, lemah dari segi kerohanian, dan mudah terpengaruh dengan dakyah musuh Islam yang berselindung di sebalik slogan demokrasi, hak asasi manusia, dan kesamarataan gender.

Dalam Surah al-Mā'idah ayat 49, Allah SWT telah memberikan peringatan yang jelas agar umat Islam sentiasa berpegang teguh kepada hukum-hukum yang telah diturunkannya dan tidak tunduk kepada kehendak golongan yang berniat menyelewengkan mereka daripada ajaran sebenar. Ayat ini juga menekankan bahawa keingkaran terhadap perintah Allah akan membawa kepada azab, dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasik. Peringatan ini seharusnya menjadi garis panduan utama dalam menilai sesuatu tuntutan yang dibawa atas nama kebebasan, agar ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah.

Maka, kesanggupan dan keberanian untuk mempertahankan kesucian Islam tidak mungkin dapat dicapai jika umat Islam sendiri terus terperangkap dalam kelemahan akidah dan kepercayaan terhadap agama mereka. Ancaman tersembunyi ini kian menular dan hanya dapat ditangani dengan kesedaran kolektif yang lahir daripada kefahaman serta penghayatan terhadap ajaran Islam yang sebenar. Dalam usaha membina masyarakat dan negara yang maju serta bertamadun, kepatuhan kepada nilai-nilai agama kuasa mahkamah syariah haruslah di martabatkan setara dengan kuasa mahkamah sivil (Khairul Azhar Bin Idris, 2005)

## **RUJUKAN**

- Abu Bakar, M. (n.d.). Konsep keadilan sosial dalam Islam.
- Abu Hassan, M. A. (2024). Undang-undang dan kehidupan bermasyarakat.
- Amini Amir Abdullah. (2024). Gejala sosial dalam kalangan remaja Islam. *Harakah Daily*.
- Aziah, N. (2013). Gejala sosial dan jenayah dalam masyarakat Islam.
- Dr. Nisar Mohammad Ahmad. (2018). Penindasan hak wanita dalam institusi kekeluargaan Islam. *Jurnal Pemerkasaan Wanita*.
- Ibrahim, A. (2020). Peranan undang-undang dalam pembangunan negara.
- Idris, K. A. B. (2005). Kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem perundangan Malaysia.
- Majid, M. A. (2018). Peranan kempen kesedaran dalam menangani isu keganasan rumah tangga.
- Marina, A. B. (n.d.). Konsep keadilan sosial dalam Islam.
- Mastura, H. A. W. (2021, November). Kebajikan wanita dan kanak-kanak dalam masyarakat Islam.
- Mohamed Adil, M. A. B. M. (2000). Pertembungan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Sivil di Malaysia.
- Mohd Nazri Ahmad. (2001). Keadilan sosial menurut Islam.
- Muaz, H. M. N., Zur Raffar, I. N. A., Jalani, H., & Nik Dahalan, N. N. (2024). Modul Pengurusan Islam. ACIS UiTM Cawangan Melaka.
- Nur Hidayah, & Huriati. (n.d.). Krisis identiti remaja dan penyelesaian dalam Islam.
- Qardhawi, Y. A. (2012). *Fiqh al-Daulah*.
- Ramli, M. A. (2021). Perlembagaan dan perlindungan hak rakyat.
- Romli, F., Md Dahlan, N. H., & Ahmad, R. (2012). Kepentingan pelaksanaan undang-undang dalam Islam. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat Islam*, 6(1), xx–xx. [Nota: Tambahkan halaman jika diketahui.]
- Sahriansyah. (2014). Kepentingan pengukuhan ilmu agama dalam pembentukan akhlak remaja. *Jurnal Pendidikan Islam*, 29(1), 45–58.
- Salmah Omar. (2015). Pengaruh media sosial dalam kalangan remaja Islam. *Jurnal Sosial dan Kemanusiaan*, 7(2), 22–35.
- Samsudin, S. M. (2022). Kesan penderaan emosi terhadap wanita dalam institusi keluarga. *Jurnal Hak Asasi Manusia*.
- Ustaz Mohd Nassuruddin. (2025). Statistik kes rogol dan sumbang mahram di Kelantan. *Bernamea*.



- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L. B., Nik Saleh, N. S. S., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., & Alias, M. A. A. (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Jurnal Islamiyyat*, 45(2), 136–146.
- Wan Hassan, W. Z. W. (2009). Cabaran pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.